

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED  
ABDUL FASAL [ BUKIT GANTANG ]**

**TARIKH : 24 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil Kementerian dalam memastikan proses pemutihan nelayan Zon A di seluruh negara dapat disegerakan dan jaminan bahawa nelayan tulen dan tradisional mendapat pembelaan dan hak yang sewajarnya.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Sehingga Oktober 2020, sebanyak 42,748 vesel zon A telah dilesenkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia (DOF). Bermula tahun 2017, program pemutihan lesen vesel zon A telah dilaksanakan dan sehingga kini jumlah lesen yang telah dibatalkan adalah sebanyak 4,464 vesel. Dalam tempoh yang sama, terdapat 7,819 lesen vesel zon A yang dikenalpasti tidak aktif kerana tidak memperbaharui lesen secara tahunan.
  
2. Pada masa yang sama, DOF juga telah menerima 6,647 permohonan baharu lesen vesel zon A daripada nelayan yang telah lama terlibat dalam aktiviti perikanan tetapi tidak mempunyai lesen yang sah. Oleh yang demikian, proses pemutihan yang dilaksanakan

## **SOALAN NO : 15**

akan membolehkan permohonan baharu ini diberi pertimbangan yang sewajarnya.

3. Bagi memastikan proses pemutihan adalah adil dan telus, DOF telah menetapkan syarat pembatalan lesen seperti berikut:

- i. vesel yang tidak aktif kerana tidak memperbaharui lesen tiga tahun berturut-turut; dan
- ii. pemilik tidak lagi menceburi aktiviti penangkapan ikan berdasarkan siasatan di lapangan dan maklum balas daripada pemilik.

4. Bagi memastikan jaminan dan pembelaan hak yang sewajarnya kepada nelayan tulen dan tradisional sedia ada, DOF akan melaksanakan proses siasatan di lapangan serta mengemukakan surat tunjuk sebab kepada pemilik vesel terlebih dahulu sebelum tindakan pembatalan lesen vesel dilaksanakan.

5. Proses pemutihan ini akan terus dilaksanakan dari semasa ke semasa bagi memastikan bilangan lesen vesel penangkapan ikan zon A yang dikeluarkan adalah terkawal mengikut keupayaan daya tampungan sesebuah kawasan berbanding dengan sumber perikanan sedia ada.

Sekian, terima kasih.